



PANDUAN PENDAFTARAN AKTIVITI PENGENDALI (T/O) SECARA PENTADBIRAN

1.0 TAFSIRAN PENGENDALI (T/O)

Tafsiran pengendali selaras seksyen 2 (1), Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [Akta 105]:

“pengendali” ertinya seseorang yang memegang suatu perakuan kelayakan yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga untuk mengendalikan loji mengawet kayu, loji mengering tanur kayu atau kedua-duanya”.

2.0 PANDUAN PERMOHONAN DAN SYARAT PENDAFTARAN AKTIVITI PENGENDALI (T/O)

2.1 Pendaftaran Baharu

- a) Melengkapkan Borang Permohonan dan Surat Perakuan Sumpah
- b) Memiliki Sijil Kelayakan Operator Pengawetan **DAN/ ATAU** Sijil Kelayakan Operator Pengeringan Tanur.

2.2 Pembaharuan Pendaftaran

- a) Melengkapkan Borang Permohonan dan Surat Perakuan Sumpah
- b) Memiliki Sijil Kelayakan Operator Pengawetan **DAN/ATAU** Sijil Kelayakan Operator Pengeringan Tanur;
- c) Bagi pengendali yang telah mencapai umur 60 tahun, saringan kesihatan hendaklah dilaksanakan di hospital Kerajaan/ swasta sekali dalam tempoh lima (5) tahun dan laporan kesihatan tersebut dikemukakan semasa permohonan pembaharuan pendaftaran. Mana-mana pengendali yang didapati tidak lulus saringan kesihatan tersebut maka pembaharuan pendaftarannya juga tidak akan diluluskan.

2.3 Borang, surat dan semua salinan dokumen hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
Level 13-17, Menara PGRM, No 8 Jalan Pudu Ulu,
56100 Cheras, Kuala Lumpur.

(u.p: Seksyen Pendaftaran, Bahagian Pelesenan & Inspektorat)

2.4 Borang permohonan pendaftaran boleh diperolehi di laman web MTIB www.mtib.gov.my.

3.0 TARIKH KUATKUASA

3.1 Permohonan pendaftaran pengendali secara pentadbiran dibuka **mulai 1 September 2022.**